

1969
KUALA LUMPUR, 25 JAN. (BERNAMA) -- AMERIKA SHARIKAT TELAH +GAGAL SAMA SEKALI+ MEMAHAMI KEHENDAK2 DAN TUJUAN PERTAHANAN MALAYSIA DENGAN MEMINTA KUASA2 SAHABAT JANGAN MENJUAL KAPAL TERBANG2 PEJUANG YANG MODEN KAPADA MALAYSIA, DEMIKIAN PERTUBUHAN PERPADUAN RAAAYAT AFRO-ASIAN MALAYSIA MENYATAKAN HARI INI.

+MALAYSIA TIDAK BOLEH DI-ANGGAP SEBAGAI SATU KUASA DALAM BIDANG KETENTERAAN-NYA, TIDAK SAPERTI FILIPINA YANG MEMPUNYAI TENTERA DARAT TIGA KALI BESAR-NYA BERBANDING DENGAN MALAYSIA DAN DI-LENGGAPI BEBERAPA TAHUN DENGAN KAPALTERBANG2 DAN ALAT2 SENJATA AMERIKA + KATA Pengerusi Pertubuhan tersebut, DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD.

+MALAYSIA PADA MASA INI TERDEDIAH BULAT2 KAPADA SA-BARANG KUASA YANG HENDAK MEMBULI-NYA + TAMPAH BELIAU. - BERSAMBONG 1738

KOMEN 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR TELAH MENGULAS SA-BUAH LAPORAN DARI WASHINGTON BAHAWA KERAJAAN AMERIKA AKAN MEMINTA BRITAIN DAN PERANCHIS SUPAYA MEMUJOK MALAYSIA JANGAN MEMBELI KAPALTERBANG2 PEJUANG YANG MODEN.

BELIAU BERKATA, AMERIKA SHARIKAT NAMPAK-NYA TIDAK MEMPELAJARI DARI +DASAR KESILAPAN2 LUAR-NYA YANG CHAMPOR TANGAN DAN KERAS+ PADA MASA2 LALU.

KATA-NYA, KERAJAAN AMERIKA SELAMA INI TELAH MELENGKAPKAN FILIPINA DENGAN PELURU2 BERPANDU DAN SUPERSONIC JET DAN BAGI-NYA +MENYINDIR+ BAHAWA NEGARA2 LAIN TIDAK BOLEH BERBUAT DEMIKIAN KAPADA MALAYSIA ADA-LAH +PERBUATAN MEMBULI AMERIKA YANG KETERLALUAN.+ BERSAMBONG 1757

KOMEN 3 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA, AMERIKA SHARIKAT, DENGAN CHUBA MEMINTA NEGARA2 LAIN JANGAN MENJUAL KAPALTERBANG2 JET PEJUANG KAPADA MALAYSIA, MUNGKIN PADA HAKIKAT-NYA MEMBWA PERLUMBAAN SENJATA, YANG IA HENDAK MENGELAKKAN-NYA DI-KAWASAN INI.

DR. MAHATHIR BERHARAP BAHAWA LANGKAH AMERIKA ITU ADA-LAH CHUMA AKIBAT +SILAP NASIHAT+ DALAM PERTADBIRAN YANG DULU DAN TIDAK AKAN MELAMBANGKAN DASAR PENTADBIRAN PRESIDEN RICHARD NIXON. - BERNAMA 1800